

04/02/2003

Pemimpin BN akur saranan henti bincang Kabinet baru

Misiah Taib; Sariha Mohd Ali; Suzianah Jiffar; Shahrin Osman
KUALA LUMPUR: Pelbagai peringkat pemimpin Barisan Nasional (BN)
menyambut

baik nasihat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya semua pemimpin BN
berhenti berbincang barisan Kabinet baru apabila beliau mengambil alih
jawatan Perdana Menteri selepas persaraan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad
pada Oktober ini.

Mereka akur permintaan Timbalan Perdana Menteri supaya memberi tumpuan
kepada tugas masing-masing bagi memastikan kelancaran pembangunan
negara.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata saranan
Abdullah
perlu diberi perhatian semua pemimpin BN demi perpaduan dan
kesinambungan
pembangunan.

Katanya, lebih elok semua peringkat pemimpin dalam BN memberi tumpuan
sepenuhnya kepada membina negara supaya pembangunan pesat yang
dilaksanakan BN diteruskan.

"Tumpuan kita tidak harus lari daripada momentum untuk membina negara
dan memastikan pembangunan terus berjalan, kerana ia adalah dasar
sebenar
kerajaan BN," katanya.

Kelmarin, Abdullah meminta semua pemimpin BN berhenti berbincang
mengenai barisan Kabinet baru apabila beliau mengambil alih jawatan
Perdana
Menteri Oktober ini, sebaliknya memberi tumpuan kepada tugas.

Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat, berkata saranan itu adalah
nasihat
bernas yang disuarakan tepat pada waktu ketika negara berhadapan cabaran
besar sekarang.

Katanya, perhatian penuh kepada kerja masing-masing membolehkan mereka
berhadapan dengan apa juga cabaran ekonomi, politik dan pembangunan yang
kian mencabar.

"Jika kita asyik nak berbincang dan mempertikaikan sesuatu isu, ia
hanya
akan menjejaskan tumpuan kita. Pilihan raya semakin hampir dan seharusnya
kita memberi perhatian kepada kerja dan biarkan peralihan kuasa lancar
seperti yang ditetapkan pucuk pimpinan parti," katanya.

Di KUANTAN, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata
antara
tugas penting yang perlu diberi tumpuan semua pemimpin BN ialah
memastikan
Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), bulan
ini
berjalan lancar dan berjaya.

Beliau yang juga Menteri Penerangan, berkata kementerianya memikul
tanggungjawab besar membantu Kementerian Luar menguruskan persidangan
itu,
terutama memastikan persiapan media yang membuat liputan.

"Kenyataan Abdullah itu memang betul. Saya sendiri memberi tumpuan khusus kepada tugas menteri di kementerian yang diberi tanggungjawab besar

memastikan kejayaan persidangan NAM," katanya.

Di KOTA KINABALU, Umno Sabah berharap isu barisan Kabinet baru tidak dijadikan bahan perbincangan pemimpin BN sehingga menjejaskan pembangunan negara.

Ketua Penerangan Umno negeri Datuk Abdul Rahim Ismail, berkata persoalan berkenaan tidak perlu diberi perhatian dan tidak seharusnya menjadi topik perbincangan yang utama.

Ketua Wanita Umno Sabah, Datuk Dayang Mahani Tun Ahmad Rafaei, berkata isu barisan Kabinet baru tidak perlu dibincangkan terlalu awal kerana yang penting mengutamakan pembangunan negara dan bekerja keras memantapkan Umno serta BN supaya mengekalkan kuasa.

Di PULAU PINANG, MCA bahagian Permatang Pauh menyokong penuh saranan Abdullah supaya pemimpin BN memberi tumpuan terhadap tugas masing-masing bagi memastikan pembangunan negara berjalan lancar.

Ketuanya, Ma Kok Ben, berkata pemimpin BN perlu memberi perhatian serius mengenai pelbagai projek pembangunan yang masih belum dilaksanakan bagi kepentingan rakyat.